



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***JUMLAH PENGAMBILAN KALORI, KALSIUM DAN PROTEIN SERTA
HUBUNGANNYA DENGAN KEPADATAN MINERAL TULANG DALAM
KALANGAN WARGA TUA***

FEAIZUL BIN MOHD DIN

FPP 2019 20



**JUMLAH PENGAMBILAN KALORI, KALSIMUM DAN PROTEIN SERTA
HUBUNGANNYA DENGAN KEPADATAN MINERAL TULANG DALAM
KALANGAN WARGA TUA**

Oleh

FEAIZUL BIN MOHD DIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, Selawat Dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W”

Dedikasi yang teramat istimewa ini aku tujukan khas buat mak dan abah yang selalu mendoakan keselamatan, kesejahteraan, kekuatan dan kejayaan. Aku sangat berbangga kerana memiliki mak abah seperti TURIPAH BT. MANAP dan MOHD DIN B. LANI yang senantiasia memberi dorongan, galakan dan semangat untuk mencari ilmu dari aku kecil hingga kini. Juga untuk kedua mertua yang dihormati ESKAK B. PAIMAN dan PARMI BT. MARSAN. Hanya syurga Allah Taala dan redha-Nya sahaja aku harapkan untuk kalian semua.

Demi Allah, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat isteri tersayang NURUL HUDA BT ESKAK. Dikau yang selama ini menjadi pembakar semangat, selalu mendoakan, banyak bersabar dan rela berkorban serta terlalu tabah ditinggalkan selama dua tahun ini. You Are A Superior Wife For Me !!!.

Kejayaan ini juga untuk buah hati kesayangan ayah. Semoga ianya menjadi semangat dan kekuatan untuk mencari ilmu dunia dan akhirat. Kamulah kebanggaan ayah wahai PROF. DR. MUHAMMAD FAWWAZ HADI dan PROF. DR. NUR AMNI HAFIZAH serta PROF. DR. MUHAMMAD FATHI IKHWAN.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

JUMLAH PENGAMBILAN KALORI, KALSIMUM DAN PROTEIN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN KEPADATAN MINERAL TULANG DALAM KALANGAN WARGA TUA

Oleh

FEAIZUL MOHD DIN

Mei 2018

Pengerusi : Soh Kim Geok, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan skor aktiviti fizikal, jumlah pengambilan kalori, kalsium dan protein serta status kepadatan tulang warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk menentukan hubungan antara skor aktiviti fizikal, jumlah pengambilan kalori, kalsium dan protein terhadap status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina. **Kaedah:** Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan deskriptif yang melibatkan 117 responden (L=71, P=46) yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada Topolski et al. (2006) untuk menentukan skor aktiviti fizikal dan *Food Frequency Questionnaire* (FFQ) untuk mendapatkan maklumat jumlah pengambilan kalori, kalsium dan protein serta penggunaan mesin kuantitatif ultrasound (QUS-2™) untuk mengukur status kepadatan tulang. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif, ujian-*t* tidak bersandar dan korelasi bagi menghuraikan dapatan kajian. **Dapatan Kajian:** Analisis ujian-*t* tidak bersandar terhadap skor aktiviti fizikal menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan pada aras kesignifikalan 0.01 iaitu responden lelaki (M = 4.51, SP = 1.25) dan perempuan (M = 4.17, SP = 0.71), [$t(113) = 1.834, p = 0.07$]. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, skor aktiviti fizikal kedua-dua jantina berada antara skor 4 dan 5. Analisis ujian-*t* tidak bersandar terhadap pengambilan kalori pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan pada aras kesignifikalan 0.01 iaitu responden lelaki (M = 3058.21, SP = 332.68) dan perempuan (M = 2420.26, SP = 246.76), [$t(115) = 11.16, p = 0.000$]. Analisis ujian-*t* tidak bersandar terhadap pengambilan kalsium juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan pada aras kesignifikalan 0.01 iaitu responden lelaki (M = 2783.96, SP = 141.32) dan perempuan (M = 3847.89, SP = 96.42), [$t(115) = -2.69, p = 0.008$]. Walau bagaimanapun, analisis ujian-*t* tidak bersandar terhadap pengambilan protein pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan pada aras kesignifikalan

0.01 iaitu responden lelaki ($M = 438.61$, $SP = 23.57$) dan perempuan ($M = 437.28$, $SP = 14.50$), [$t(115) = 0.341$, $p = 0.734$]. Analisis ujian- t tidak bersandar terhadap status kepadatan tulang pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan pada aras kesignifikalan 0.01 iaitu responden lelaki ($M = -2.22$, $SP = 0.42$) dan perempuan ($M = -2.04$, $SP = 0.20$), [$t(108) = 3.11$, $p = 0.002$]. Ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara status kepadatan tulang dengan skor aktiviti fizikal bagi responden lelaki ($r = 0.024$, $p = 0.842$) dan responden perempuan ($r = 0.251$, $p = 0.092$). Analisis korelasi juga menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara status kepadatan tulang dengan pengambilan kalori bagi responden lelaki ($r = 0.062$, $p = 0.606$) dan responden perempuan ($r = -0.221$, $p = 0.140$). Walau bagaimanapun, terdapat hubungan positif lemah dicatatkan antara status kepadatan tulang dengan pengambilan kalsium bagi responden lelaki ($r = 0.331$, $p = 0.026$) manakala hubungan positif sederhana dicatat bagi responden perempuan ($r = 0.465$, $p = 0.031$). Analisis korelasi juga menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara status kepadatan tulang dengan pengambilan protein bagi responden lelaki ($r = -0.044$, $p = 0.718$) dan responden perempuan ($r = 0.238$, $p = 0.112$).

Kesimpulan: Kesedaran untuk melakukan aktiviti fizikal serta mengambil kalori, kalsium dan protein yang seimbang adalah perlu dalam kalangan warga tua untuk meningkatkan kualiti hidup mereka terutamanya dalam aspek kesihatan tulang. Pelbagai program boleh dirangka oleh pihak institusi penjagaan warga tua supaya warga tua dapat mengoptimumkan usia emas mereka dengan aktiviti fizikal yang bersesuaian serta pengambilan kalori, kalsium dan protein yang berpatutan, sekaligus dapat mengekalkan kesihatan tulang mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**TOTAL OF CALORIES, CALCIUM AND PROTEIN INTAKE AND THEIR
RELATIONSHIP TOWARDS BONE MINERAL DENSITY AMONG THE
ELDERLY**

By

FEAIZUL MOHD DIN

May 2018

Chairman : Soh Kim Geok, PhD
Faculty : Educational Studies

Purpose: The aim of this study is to identify the differences of score of physical activities, calories, calcium and protein intake and the status of bone density among the elderly at Rumah Seri Kenangan, Cheras based on the gender. Besides that, this study is conducted to determine the relationship between the score of physical activities and calories, calcium and protein intake towards the status of bone density among the elderly at Rumah Seri Kenangan, Cheras based on the gender. **Method:** This study is a descriptive survey with involving 117 participants (M = 71, F = 46) who live at Rumah Seri Kenangan, Cheras. This study uses questionnaire which is adapted from Topolski et al. (2006) to determine the score of physical activities, Food Frequency Questionnaire (FFQ) to determine the calories, calcium and protein intake and the use of Quantitative Ultrasound Sonometry (QUS-2™) to determine the status of bone density. Descriptive, Independent Samples *t*-Test and Correlation analysis are used to analyse research findings. **Findings:** The analysis of the independent sample *t*-test had shown that there were no significant differences between male (M = 4.51, SD = 1.25) and female (M = 4.17, SD = 0.71) respondents towards the score of physical activities at the significance level 0.01, [$t(113) = 1.834, p = 0.07$]. Based on the finding, the score of the physical activities for both genders are between 4 and 5. Analysis for calories intake showed that there were significant differences between male (M = 3058.21, SD = 332.68) and female (M = 2420.26, SD = 246.76), [$t(115) = 11.16, p = 0.000$] at the significance level 0.01. Analysis for calcium intake also showed that there were significant differences between male (M = 2783.96, SD = 141.32) and female (M = 3847.89, SD = 96.42), [$t(115) = -2.69, p = 0.008$] at the significance level 0.01. However, analysis for protein intake showed that there were no significant differences between male (M = 438.61, SD = 23.57) and female (M = 437.28, SD = 14.50), [$t(115) = 0.341, p = 0.734$] at the significance level 0.01. Analysis of independent samples *t*-test towards the status of bone density had shown that there were significant differences between male (M = -2.22, SD = 0.42) and female respondents (M = -2.04, SD = 0.20), [$t(108) = 3.11, p = 0.002$] at the significance

level 0.01. Results also showed that there were no significant relationship between the status of bone density with (a) the score of physical activities for both male ($r=0.024$, $p = 0.842$) and female ($r= 0.251$, $p = 0.092$), (b) calories intake for both male ($r = 0.062$, $p = 0.606$) and female ($r = -0.221$, $p = 0.140$) and (c) protein intake for both male ($r = -0.044$, $p = 0.718$) and female ($r = 0.238$, $p = 0.112$). However, there is positive weak relationship between the status of bone density with the calcium intake for male ($r = 0.331$, $p = 0.026$) and moderate positive relationship between the two variables for female ($r = 0.465$, $p = 0.031$). **Conclusion:** The awareness to do physical activities and take the balanced calories, calcium and protein are important among the elderly to increase their quality of life especially regarding to bone healthy. Besides that, many programs can be planned by the right institute so that the elderly can do the suitable physical activities and take appropriate total of calories, calcium and protein in order to maintain their healthy bond.

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani”

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah penyelia, Prof Madya Dr. Soh Kim Geok dan Prof Madya Dr. Norhaizan Binti Md Esa yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan tunjuk ajar sehingga kajian ini disempurnakan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih juga kepada Tutor Jabatan Pengajian Sukan, UPM iaitu En. Shamsulariffin Bin Samsudin yang telah banyak membantu memberi pandangan beliau dalam penulisan ilmiah ini. Ucapan terima kasih di atas kesabaran dan kesungguhan mereka semasa membimbing saya selama ini. Sesungguhnya dorongan dan bimbingan yang diberikan amat berguna dan berharga.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Tajaan di atas kurniaan tajaan cuti belajar. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada responden yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan sokongan, dokongan dan bantuan.

Akhir sekali, ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang menyiapkan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik kalian semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penelia adalah seperti berikut:

Soh Kim Geok, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norhaizan Mohd Esa, PhD

Profesor Madya
Fakulti Perubatan dan Sains Bersekutu
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Dekan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Feaizul Mohd Din / GS41994

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi;

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Soh Kim Geok,

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Norhaizan Mohd Esa,

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka surat
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	xiii
	xiv

BAB

1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Limitasi Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	10
1.8.1	Status Kepadatan Tulang	10
1.8.2	Aktiviti Fizikal	10
1.8.3	Pengambilan Kalori	11
1.8.4	Pengambilan Kalsium	11
1.8.5	Pengambilan Protein	11
1.8.6	Warga Tua	12
1.8.6	Rumah Seri Kenangan	12
2	Sorotan Literatur	
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Status Kepadatan Tulang	13
2.2.1	Penilaian Status Kesihatan Tulang Menggunakan <i>Ultrasonometry</i>	13
2.3	Puncak Jisim Tulang	14
2.4	Kehilangan Jisim Tulang	15
2.4.1	Jantina	15
2.4.2	Usia	16
2.4.3	Tabiat Merokok Dan Minum Minuman Beralkohol	16
2.5	Osteoporosis	17
2.6	Aktiviti Fizikal Dan Status Kesihatan Tulang	19
2.7	Pengambilan Kalori Dan Status Kesihatan Tulang	22
2.8	Pengambilan Kalsium dan Status Kesihatan Tulang	23
2.9	Pengambilan Protein dan Status Kesihatan Tulang	25
2.10	Kerangka Konsep Kajian	26
2.11	Kesimpulan	27

3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	29
3.4	Instrumen Kajian	30
3.4.1	Pengukuran Status Kepadatan Mineral Tulang	31
3.4.2	Penilaian Skor Aktiviti Fizikal	31
3.4.3	Pengambilan Kalori, Kalsium dan Protein	32
3.4.3.1	Pengiraan Pengambilan Kalori, Kalsium dan Protein	33
3.5	Kesahan Instrumen dan Kebolehpercayaan	34
3.5.1	Kesahan Instrumen	34
3.5.2	Penterjemahan	35
3.5.3	Kajian Rintis	35
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	37
3.7	Prosedur Analisis Data	38
3.7.1	Analisis Deskriptif	40
3.7.2	Analisis Inferensi	41
3.7.2.1	Ujian- <i>t</i> Tidak Bersandar	41
3.7.2.2	Analisis Korelasi	41
3.8	Kesimpulan	42
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Analisis Penerokaan Data	43
4.3	Latar Belakang Responden	44
4.4	Hipotesis Kajian 1	44
4.5	Hipotesis Kajian 2	46
4.6	Hipotesis Kajian 3	47
4.7	Hipotesis Kajian 4	48
4.8	Hipotesis Kajian 5	49
4.9	Hipotesis Kajian 6	50
4.10	Hipotesis Kajian 7	51
4.11	Hipotesis Kajian 8	51
4.12	Hipotesis Kajian 9	52
4.13	Kesimpulan	52
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	54
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	54
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	54
5.3.1	Perbezaan Skor Aktiviti Fizikal Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras Berdasarkan Jantina.	55
5.3.2	Perbezaan Pengambilan Kalori Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras Berdasarkan Jantina.	56
5.3.3	Perbezaan Pengambilan Kalsium Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras Berdasarkan Jantina.	57

5.3.4	Perbezaan Pengambilan Protein Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras Berdasarkan Jantina.	58
5.3.5	Perbezaan Status Kepadatan Tulang Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras Berdasarkan Jantina.	58
5.3.6	Hubungan Di Antara Skor Aktiviti Fizikal Dengan Status Kepadatan Tulang Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan Jantina.	60
5.3.7	Hubungan Di Antara Pengambilan Kalori Dengan Status Kepadatan Tulang Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan Jantina.	60
5.3.8	Hubungan Di Antara Pengambilan Kalsium Dengan Status Kepadatan Tulang Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan Jantina.	61
5.3.9	Hubungan Di Antara Pengambilan Protein Dengan Status Kepadatan Tulang Dalam Kalangan Warga Tua Yang Tinggal Di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan Jantina.	62
5.4	Implikasi	63
5.5	Cadangan	64
RUJUKAN		65
LAMPIRAN		81
BIODATA PELAJAR		124

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Peratusan Penduduk Dalam Kumpulan Umur Utama di Malaysia, 1970-1980, 1991, 2000, 2010. (ratus ribu)	2
1.2	Situasi Keadaan Warga Tua Dahulu, Kini Dan Masa Depan Trend Malaysia, 1960-2010	2
2.1	Klasifikasi Osteoporosis oleh WHO (1994)	17
3.1	Kriteria Kemasukan Dan Pengecualian Responden	30
3.2	Soal Selidik Analisis Skor Aktiviti Fizikal Serta Jumlah Pengambilan Kalori, Kalsium dan Protein Serta Hubungannya Dengan Kepadatan Mineral Tulang Dalam Kalangan Warga Tua.	30
3.3	Pengelasan T-Skor	31
3.4	Jadual Skor Penilaian Aktiviti Fizikal	32
3.5	Cadangan Saiz Hidangan	33
3.6	Kriteria Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Untuk Penerimaan	36
3.7	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Mengikut Dimensi Bagi Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	37
3.8	Ujian Statistik Yang Digunakan Untuk Menguji Hipotesis Kajian	38
3.9	Nilai Pekali Korelasi ' <i>r</i> ' dan Jenis Hubungan	42
4.1	Tahap Kenormalan Variabel Kajian	43
4.2	Taburan Latar Belakang Responden	44
4.3	Taburan Responden Bagi Skor Aktiviti Fizikal Warga Tua	45
4.4	Nilai Min Bagi Skor Aktiviti Fizikal Warga Tua	45
4.5	Analisis Perbezaan Skor Aktiviti Fizikal Antara Jantina	46
4.6	Nilai Min Pengambilan Kalori Warga Tua	46
4.7	Analisis Perbezaan Pengambilan Kalori Antara Jantina	47
4.8	Nilai Min Pengambilan Kalsium Warga Tua	47
4.9	Analisis Perbezaan Pengambilan Kalsium Antara Jantina	48
4.10	Nilai Min Pengambilan Protein Warga Tua	48
4.11	Analisis Perbezaan Pengambilan Protein Antara Jantina	49
4.12	Taburan Responden Bagi Status Kepadatan Tulang Warga Tua	49
4.13	Nilai Min Bagi Status Kepadatan Tulang Warga Tua	50
4.14	Analisis Perbezaan Status Kepadatan Tulang Antara Jantina	50
4.15	Analisis Hubungan Di Antara Skor Aktiviti Fizikal Dengan Status Kepadatan Tulang Responden Lelaki dan Perempuan	51
4.16	Analisis Hubungan Di Antara Pengambilan Kalori Dengan Status Kepadatan Tulang Responden Lelaki dan Perempuan	51
4.17	Analisis Hubungan Di Antara Pengambilan Kalsium Dengan Status Kepadatan Tulang Responden Lelaki dan Perempuan	52
4.18	Analisis Hubungan Di Antara Pengambilan Protein Dengan Status Kepadatan Tulang Responden Lelaki dan Perempuan	52

SENARAI SINGKATAN

JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
KMT	Kepadatan Mineral Tulang
RSK	Rumah Seri Kenangan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang permasalahan kesihatan warga tua iaitu status kepadatan tulang, aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein dalam kalangan warga tua. Kajian ini memfokus kepada perbezaan skor aktiviti fizikal, pengambilan kalori, kalsium serta protein dan status kepadatan tulang di antara warga tua lelaki dan perempuan. Melalui kajian ini juga, hubungan di antara status kepadatan tulang dengan skor aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein yang diamalkan pada masa kini oleh warga tua lelaki dan perempuan turut dikaji. Kewujudan rumah kebajikan yang menjaga dan menjadi tempat tinggal warga tua juga telah menarik minat pengkaji untuk mengetahui perbezaan dan hubungan di antara skor aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein pada masa kini terhadap status kepadatan tulang responden berdasarkan jantina.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peningkatan bilangan penduduk warga tua merupakan indikator terhadap kesihatan yang lebih baik dan kadar kematian yang rendah (Hanan, 2013). Sharifah Rosida (2012) pula menyebut kewujudan warga tua merupakan satu fenomena yang lumrah dialami oleh semua negara di dunia dalam jumlah yang berbeza. Namun, terdapat sebahagian negara bukan sahaja mempunyai populasi warga tua yang ramai dalam struktur penduduknya, tetapi juga mempunyai kadar peningkatan peratusan warga tua yang amat cepat.

Hal ini disebabkan oleh kadar fertiliti dan mortaliti yang menurun akibat kemajuan teknologi perubatan (Dasar Kesihatan Warga Emas Negara, 2010). Perhimpunan dunia di Vienna mengenai penuaan merumuskan bahawa warga tua adalah individu yang berusia 60 tahun dan ke atas (Suzana et al., 2007; United Nations, 1982) manakala warga emas mengikut kronologi dan gerontologi pula adalah individu yang berusia 65 tahun dan ke atas (Sakinah, Suzana, Noor Aini, Shahrul Bahyah & Philip, 2010). Justeru itu, warga tua di Malaysia merujuk individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (Durasigham, 2005).

Menurut bancian bilangan warga tua di Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1, terdapat kira-kira 1.15 juta orang warga tua pada tahun 2000 (6.3% daripada jumlah penduduk) dan pada tahun 2010 pula jumlahnya telah meningkat kepada 2.1 juta orang (7.7% daripada jumlah penduduk). Angka ini dijangka meningkat kepada 3.4 juta pada tahun 2020 (10.8% daripada jumlah penduduk). Peningkatan ini akan terus berlaku untuk beberapa dekad yang akan datang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Jadual 1.1: Peratusan Penduduk Dalam Kumpulan Umur Utama di Malaysia, 1970, 1980, 1990, 2000, 2010. (ratus ribu)

Kumpulan Umur	1970	1980	1990	2000	2010
0 – 14	44.9	39.6	36.7	33.5	27.6
15 – 44	40.7	45.6	47.6	48.8	50.17
45 - 59	9.2	9.2	9.9	11.6	14.25
60 – 74	4.4	4.6	4.6	5.0	6.25
75+	0.8	1.1	1.2	1.3	1.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Bilangan warga tua yang meningkat akan turut menyumbang ke arah keperluan penjagaan warga tua yang semakin berkembang. Menurut Heng (2012), hampir 6,000 warga tua menjadi penghuni di 11 pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta 165 pusat yang dimiliki badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta di seluruh negara setakat ini. Jumlah ini disimpulkan berdasarkan Jadual 1.2 yang menunjukkan bilangan warga tua telah meningkat daripada 1.398 juta orang pada tahun 2000 kepada 2.134 juta orang pada tahun 2010 bersamaan 53%. Menjelang tahun 2020, jumlah ini dijangka meningkat kepada 3.439 juta orang dengan kenaikan sebanyak 62%.

Jadual 1.2: Situasi Keadaan Warga Tua Dahulu, Kini dan Masa Depan Trend Malaysia, 1960-2010

Tahun	Bilangan Warga Tua (ratus ribu)	% Jumlah Populasi	Kadar Pertumbuhan	
			Warga Tua	Jumlah Populasi
1960	386.5	4.8	-	-
1970	546.1	5.2	3.5	2.6
1980	745.2	5.7	3.1	2.3
1990	1,032.3	5.9	3.0	2.6
2000	1,398.5	6.3	3.4	2.6
2010	2,134.9	7.4	4.2	2.2
2020	3,439.6	9.9	4.8	1.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Berdasarkan unjuran kepadatan penduduk dan pertambahan bilangan warga tua, kerajaan perlu memperbanyakkan institusi penjagaan warga tua. Ini kerana pada asasnya penjagaan warga tua di kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menjadi tanggungjawab ahli keluarga masing-masing. Walau bagaimanapun dalam zaman serba maju ini, terdapat anak-anak yang tidak sanggup untuk memelihara ibu bapa mereka yang telah tua. Alasan yang sering kita dengar kononnya tidak mempunyai masa, sibuk dengan bekerja, tidak tahan dengan karenah orang tua atau mahukan ibu bapa mereka lebih terjaga serta mempunyai ramai teman.

Tidak dinafikan bahawa terdapat juga sebahagian warga tua itu sendiri yang tidak mahu tinggal bersama anak-anak mereka kerana bimbang akan menyusahkan orang lain (Lukman & Zainol, 2000). Justeru, Kerajaan Malaysia menerusi Akta Orang-orang Papa 1977 dan Kaedah-kaedah Bagi Pengurusan Rumah Orang-orang Tua 1983 telah mewujudkan rumah-rumah kebajikan sebagai inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh warga tua. Bagi warga tua yang daif, tiada waris atau memerlukan bantuan, mereka terpaksa memilih untuk tinggal di rumah kebajikan sama ada milik kerajaan ataupun persendirian untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dalam erti kata lain, Rumah Seri Kenangan ini dibina untuk warga tua yang memerlukan perlindungan. Justeru itu, kebajikan mereka sewajarnya diberi perhatian agar mereka boleh meneruskan kehidupan dengan lebih baik dan berkualiti. Aspek penjagaan kesihatan seperti menggalakkan mereka menjadi lebih aktif serta mengambil kalori, kalsium dan protein yang bersesuaian perlu sentiasa digalakkan agar warga tua tersebut kekal sihat sepanjang hayat.

Perancangan penjagaan warga tua di rumah kebajikan adalah penting dalam memastikan program yang dibentuk boleh dilaksanakan dengan berkesan. Menurut Rowe dan Kahn (1987), program-program seperti pendedahan amalan penjagaan kesihatan, motivasi dan pemulihan fungsi anggota badan merupakan “morale boosting” kepada warga tua. Program ini bukan sahaja dapat menjauhkan mereka daripada penyakit, malah ia juga menaikkan semangat warga tua untuk terus aktif dan berada dalam kelompok masyarakat setempat tanpa merasa tersisih. Ini bagi memastikan kualiti hidup warga tua akan terus dipelihara.

Usia warga tua adalah indikator yang jelas terhadap masalah kepadatan tulang (Maria, Boot, Huibert, Krenning & Sabine, 1997; Mohd Sharkawi, Isa Naina, Sabarul Afian & Ahmad Nazrun, 2015). Kira-kira 90% daripada mangsa yang mengalami kepatahan tulang pinggul adalah mereka berusia 50 tahun ke atas dan insiden tersebut dipercayai berkaitan secara langsung dengan kemerosotan tulang kerana peningkatan usia (Schousboe, Shepherd, Bilezikian & Baim, 2013). Laporan World Health Organization (2008) turut menegaskan bahawa warga tua mempunyai risiko yang tinggi terhadap keretakan tulang.

Wanita Asia mempunyai risiko tinggi untuk mendapat penyusutan kepadatan mineral tulang berbanding wanita dari Benua Afrika dan Eropah (Scottie & Vanessa, 2000). Ia disokong oleh kajian Dontas dan Yiannakopoulos (2007) yang mengatakan, wanita mempunyai masa puncak kepadatan tulang yang lebih rendah berbanding dengan lelaki. Laporan tahunan National Orthopaedic Registry of Malaysia (NORM) (2009) juga mengatakan, daripada 510 kes keretakan tulang pinggul yang direkodkan, 345 daripadanya adalah wanita. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik itu juga, lelaki juga terdedah kepada risiko penyusutan kepadatan tulang yang boleh memberi implikasi kepada kesihatan mereka.

Menurut Awang Had (1989), keperluan warga tua secara keseluruhannya dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu keperluan fizikal, mental dan emosi. Antara domain yang penting ialah domain psikomotor. Domain psikomotor menjurus kepada aktiviti fizikal seperti keperluan beriadah dan bersenam. Sekiranya warga tua

mengabaikan domain ini dengan tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti riadah, maka mereka akan kelihatan lesu dan tidak bermaya. Aktiviti fizikal yang berterusan dan berpatutan berserta pengambilan kalori, kalsium dan protein yang seimbang adalah komponen utama dalam mencegah penyakit kronik iaitu masalah kepadatan tulang warga tua. Walau bagaimanapun didapati kurang daripada 60% penduduk dunia gagal mencapai sasaran minima untuk melakukan aktiviti fizikal sederhana iaitu selama 30 minit sehari tiga kali seminggu, apatah lagi setelah tergolong sebagai warga tua.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi prevalens senaman. Penurunan tahap senaman didapati berhubungkait dengan peningkatan usia. Jantina juga merupakan faktor penting dalam menentukan prevalens senaman. Didapati lebih 60% wanita di Amerika tidak melakukan senaman seperti yang disyorkan berbanding dengan lelaki dan 25% tidak aktif sama sekali. Dalam kajian oleh Graafmans, Bouter dan Lips (1998) pula, skor aktiviti fizikal dalam kalangan warga tua lelaki berumur 70 tahun ke atas mencatatkan positif secara linear dengan hubungan dalam kalangan lelaki yang lebih kuat berbanding wanita.

Kebarangkalian seseorang untuk tidak atau jarang melakukan aktiviti fizikal ketika muda juga ada. Ini turut menyumbang kepada pembentukan kualiti kepadatan mineral tulang yang kurang baik. Keadaan ini boleh menjadi serius pada usia tua kerana pertumbuhan tulang berada kemuncak pada usia awal dewasa (Pohlandt, 1993). Selepas itu, keoptimuman mineral dan kualiti kesihatan tulang semakin menurun sejajar dengan peningkatan usia. Justeru, kajian untuk menentukan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua dan hubungannya dengan skor aktiviti fizikal serta pengambilan kalori, kalsium dan protein pada masa kini adalah perlu untuk dijalankan.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan statistik populasi Malaysia, jangka hayat umur lelaki yang mencapai umur 65 tahun pada 2015 dijangka hidup selama 14.9 tahun lagi, meningkat sebanyak 0.6 tahun berbanding 2010. Begitu juga bagi perempuan dijangka hidup selama 16.9 tahun iaitu meningkat sebanyak 0.8 tahun berbanding 16.1 tahun pada 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Peningkatan jangka hayat umur dan pertambahan populasi warga tua di Malaysia akan menjadikan kesihatan sebagai salah satu isu dalam kelangsungan kehidupan rakyat Malaysia.

Di Malaysia, penyakit berkaitan tulang semakin mendapat perhatian sebagai masalah kesihatan yang umum. Informasi tentang kelaziman isu penyakit yang menjurus kepadatan tulang adalah amat terhad di Malaysia. Data isu berkaitan konflik kepadatan tulang dengan warga tua hanya diperoleh menerusi insiden kepatahan tulang pinggul. Berdasarkan laporan Malaysian Osteoporosis Society (2006), bilangan kepatahan tulang di Malaysia adalah besar di bawah perangkaan disebabkan kebanyakan kes kepatahan tulang selain daripada kepatahan tulang pinggul tidak dimasukkan ke hospital. Insiden kepatahan tulang sering dilaporkan dalam kalangan warga tua. (Mohd Sharkawi et al., 2015). Hal ini disebabkan Malaysia mengalami pembangunan sosioekonomi yang pesat dan peningkatan populasi warga tua yang cepat.

Jantina dikaitkan secara langsung dengan kelaziman penyusutan kepadatan tulang manusia. Berdasarkan jantina, wanita mempunyai risiko yang lebih tinggi mendapat penyusutan kepadatan tulang berbanding lelaki. Berdasarkan kajian oleh Foo dan Zaitun (2000), terdapat peningkatan trend kehilangan kepadatan mineral tulang dalam kalangan wanita selepas menopause. Kadar kematian bagi wanita adalah lebih rendah daripada lelaki. Ini bermakna bahawa mereka akan hidup lebih lama. Warga tua wanita juga mempunyai risiko tinggi untuk terjatuh yang boleh membawa kepada keretakan tulang. Oleh sebab demikian, wanita mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat kepatahan tulang berbanding dengan lelaki.

Namun begitu, Hashnan (2003) melaporkan keretakan atau patah pada tulang pinggul sering melanda kaum lelaki yang berusia tua berbanding kaum wanita. Kecederaan tersebut boleh menyebabkan seseorang individu itu kehilangan daya pergerakan dan menyebabkan mereka terpaksa tinggal di rumah sahaja. Malah, ramai dalam kalangan lelaki yang mengalami komplikasi daripada kecederaan itu meninggal dunia. Dapatan ini disokong oleh Holroyd, Cooper dan Dennison (2008) yang menganggarkan 8% lelaki dan 3% wanita berumur melebihi 50 tahun meninggal dunia semasa di hospital kerana kepatahan pinggul, dan kadar kematian akhirnya meningkat seiring dengan masa.

Umumnya, kes kepatahan tulang berkait rapat dengan kualiti tulang yang tidak baik. Penurunan kualiti kepadatan tulang sering dikaitkan dengan empat faktor utama iaitu aktiviti fizikal, pengambilan kalori, kalsium dan protein yang tidak mencukupi (Mohd Sharkawi et al., 2015).

Amalan gaya hidup sihat dan melakukan senaman terbukti meningkatkan kualiti hidup (Mohd Sharkawi et al., 2015). Pendapat ini telah dijelaskan oleh Chan, Anderson dan Lau (2003) yang menyatakan bersenam boleh meningkatkan kepadatan tulang. Namun, laporan menyatakan lebih 60% orang dewasa di seluruh dunia tidak mengamalkan gaya hidup sihat (Joanna, 2007) dan aktiviti fizikal orang dewasa di Malaysia (tanpa mengambil kira faktor jantina) belum mencapai tahap yang memuaskan (Chandrashekar, Nizar, Mohammed & Boo, 2012). Laporan Agnes, Keith, Karen, Caroline dan Hugh (1995) dan International Osteoporosis Foundation (2013) juga menyebut, wanita yang tidak aktif selama lebih dari sembilan jam setiap hari mempunyai peluang yang lebih besar untuk mendapat penurunan kepadatan jisim tulang berbanding wanita yang kekal aktif. Maka Suraya, Norimah, Oon dan Wan (2013) merumuskan, kebanyakan mereka tidak mencapai tahap kecergasan kerana tidak mengamalkan senaman sebagai amalan harian sehingga boleh menjejaskan kualiti kepadatan tulang mereka.

Kalori, kalsium dan protein yang mencukupi adalah penting untuk mencegah penyakit berkaitan tulang (Prentice, 2013; Mohd Sharkawi et al., 2015). Justeru itu, pengambilan kalori, kalsium dan protein yang mencukupi adalah sangat penting untuk tulang yang sihat dan kuat (Harian Metro, 2012). Ini turut disokong beberapa penemuan kajian bahawa pengambilan kalsium terutamanya dikaitkan dengan risiko yang lebih rendah terhadap penyusutan kepadatan tulang (John, 2008; Robert et al., 1997). Ia sangat penting terutamanya bagi wanita yang telah menopause kerana terdedah kepada

kehilangan kepadatan mineral tulang. Namun malangnya, ia tidak berlaku di Malaysia. Ini kerana hasil penemuan penyelidikan bersama di antara Universiti Putra Malaysia dan Universiti Otago, New Zealand menunjukkan kebanyakan wanita di Malaysia mendapat kurang daripada 50 peratus jumlah garam mineral dalam bentuk kalsium seperti yang disarankan (Mingguan Malaysia, 2008). Tambahan pula, kajian di Malaysia telah menunjukkan sebanyak 5 hingga 40% warga tua mengalami pengambilan kalori, kalsium dan protein yang tidak mencukupi (Ismail & Zawiah, 1991; Azirah & Suriah, 1992; Suriah et al., 1996; Suzana, Dixon & Earland, 1999; Zuriati, 2003). Hal yang demikian boleh menyebabkan kepadatan tulang mereka semakin menyusut.

Justeru, kajian untuk mengetahui status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di rumah kebajikan di Malaysia adalah perlu. Aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein yang diamalkan oleh warga tua yang tinggal di rumah kebajikan juga wajar diberi perhatian untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara status kepadatan tulang dengan aktiviti fizikal yang diamalkan serta pengambilan kalori, kalsium dan protein di rumah kebajikan. Jantina warga tua yang mendiami rumah kebajikan juga boleh memberi maklumat tambahan sama ada terdapat perbezaan status kepadatan tulang, aktiviti fizikal serta pengambilan kalori, kalsium dan protein antara mereka. Maka, kajian yang berkaitan perlu dijalankan dengan segera.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti perbezaan skor aktiviti fizikal, pengambilan kalori, kalsium serta protein dan status kepadatan tulang warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.

Objektif khusus

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Menenalpasti hubungan di antara skor aktiviti fizikal dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
2. Menenalpasti hubungan di antara pengambilan kalori dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
3. Menenalpasti hubungan di antara pengambilan kalsium dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
4. Menenalpasti hubungan di antara pengambilan protein dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis kajian dikemukakan adalah seperti berikut:

Hipotesis null (H_0):

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor aktiviti fizikal antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengambilan kalori antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengambilan kalsium antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengambilan protein antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi status kepadatan tulang antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
6. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara skor aktiviti fizikal dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
7. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan kalori dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
8. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan kalsium dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
9. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan protein dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.

Hipotesis alternatif (H_1):

1. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor aktiviti fizikal antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
2. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengambilan kalori antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
3. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengambilan kalsium antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
4. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengambilan protein antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
5. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi status kepadatan tulang antara warga tua lelaki dan perempuan yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras.
6. Terdapat hubungan yang signifikan di antara skor aktiviti fizikal dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
7. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan kalori dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.

8. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan kalsium dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.
9. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengambilan protein dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras berdasarkan jantina.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan perspektif baharu dan pemahaman tentang bagaimana kehidupan penghuni warga tua di rumah kebajikan iaitu dalam aspek pelaksanaan aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein dalam kalangan warga tua lelaki dan perempuan. Sebagai pengkaji yang menyelami kehidupan warga tua yang tinggal di sana, isu-isu berkaitan kehidupan warga tua yang tinggal di rumah kebajikan banyak kali diutarakan. Olthoff (2010) menegaskan, kajian-kajian di rumah kebajikan warga tua diharap memberikan kehidupan yang lebih berkualiti kepada mereka yang tinggal di sana.

Kajian berkaitan kesihatan tulang yang rendah sering dikaitkan dengan kematian yang tinggi, hilang upaya dan penurunan taraf kerja dalam kalangan warga tua. Oleh yang demikian, terdapat keperluan yang tinggi terhadap perkhidmatan kesihatan dan penjagaan jangka panjang untuk warga tua yang berpunca daripada masalah kesihatan tulang. Namun, kajian yang dibuat di rumah kebajikan warga tua berkaitan status kepadatan tulang di Malaysia amat terhad. Kajian mengenai warga tua banyak tertumpu kepada masalah kesihatan dan penjagaannya (Grant & France, 2001), masalah kesihatan mental (Rouse, 1995), masalah buang air kecil (Hamilton-Miller, 1999) dan masalah kemurungan (Burger et al. 1989; Raskin & Sathanantham, 1979). Malah, kajian-kajian tersebut juga banyak dijalankan di luar negara. Justeru, kajian berkaitan status kepadatan tulang dan hubungannya dengan aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium dan protein yang diamalkan di rumah kebajikan amat perlu dijalankan terhadap warga tua yang menghuni rumah kebajikan di Malaysia.

Tambahan pula, kajian terdahulu banyak memberi fokus kesihatan berkaitan tulang menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini didapati kurang tepat jika dibandingkan dengan peralatan elektronik (Lydick et al., 1998). Oleh yang demikian, adalah amat wajar untuk melakukan kajian yang mengukur status kepadatan tulang warga tua dengan menggunakan peralatan elektronik. Maka, kajian ini menggunakan mesin kuantitatif ultrasound (QUS-2™) untuk mengetahui status kepadatan tulang.

Kajian yang dilakukan terhadap warga tua kulit putih di Amerika Syarikat mendapati kira-kira 40% daripada wanita dan 13% daripada lelaki yang berumur lebih 50 tahun ke atas berada dalam keadaan risiko untuk mendapat keputihan tulang (Nordin, 2011). Menurut Isnoni et al. (2012), daripada 510 kes keretakan tulang pinggul yang direkodkan, 345 daripadanya adalah wanita. Namun, dapatan kajian lampau tidak dilakukan terhadap warga tua yang tinggal di institusi kebajikan. Justeru, kajian

terhadap jantina akan menentukan jantina yang manakah menjadi dominan terhadap masalah kepadatan tulang bagi mereka yang tinggal di rumah kebajikan.

Masalah kesihatan tulang secara langsung akan menjejaskan kesihatan warga tua. Hal ini boleh menyebabkan warga tua kurang melakukan aktiviti fizikal serta mengamalkan pengambilan kalori, kalsium dan protein yang tidak seimbang. Justeru, aspek pendidikan untuk kefahaman perlu diberikan kepada warga tua. Dalam usaha memberikan kefahaman kepada warga tua dalam aspek yang dinyatakan, skor aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein dalam kalangan warga tua lelaki dan perempuan di rumah kebajikan serta hubungannya dengan status kepadatan tulang mereka perlu diketahui.

Akan tetapi, oleh kerana kurang kajian dilakukan ke atas warga tua yang mendiami rumah kebajikan di Malaysia, statistik dan maklumat tentang mereka adalah terhad terutamanya dari segi status kepadatan tulang, skor aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein. Perbezaan skor aktiviti fizikal, pengambilan kalori, kalsium dan protein serta hubungannya dengan status kepadatan tulang dalam kalangan warga tua lelaki dan perempuan di rumah kebajikan juga akan memberikan gambaran dan maklumat yang berguna kepada pengkaji untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka di rumah kebajikan. Rumusan masalah dan strategi pengurusan dalam kajian ini adalah untuk kepentingan bersama bagi mengekalkan kesihatan warga tua yang tinggal di rumah kebajikan.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini telah menggunakan alat kajian berupa borang soal selidik dan mesin untuk mengukur status kepadatan tulang. Borang soal selidik yang digunakan adalah *Rapid Assessment of Physical Activity* (RAPA) oleh Topolski et al. (2006) untuk mengukur skor aktiviti fizikal dan borang soal selidik semi-kuantitatif *Food Frequency Questionnaire* (FFQ) untuk mengetahui jumlah pengambilan kalori, kalsium serta protein. Manakala untuk mengetahui status kepadatan tulang pula, mesin kuantitatif ultrasound (QUS-2™) telah digunakan.

Disebabkan kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi pengumpulan data, maka, dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada kejujuran responden dalam memberikan penilaian setiap ciri disamping penggunaan alat elektronik untuk mengukur kepadatan tulang yang menjadi tunjang utama kajian. Maka, pengkaji telah bertanyakan setiap soalan daripada borang soal selidik secara berkumpulan di antara tiga hingga empat orang untuk memudahkan urusan dan apabila selesai barulah beralih kepada pengukuran mesin kepadatan mineral tulang.

Kumpulan sasaran kajian terdiri daripada warga tua yang menghuni Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor. Rumah kebajikan ini di bawah kawalan dan seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK). Oleh itu, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan ke atas warga-warga tua yang menghuni seluruh Rumah Seri Kenangan kelolaan JKM sahaja. Pengkaji memilih untuk meneruskan kajian di Rumah

Seri Kenangan terbabit disebabkan faktor institusi itu sendiri yang paling besar dan paling ramai penghuninya di Malaysia. Kemudahan infrastruktur dan fasiliti yang disediakan memberi keselesaan kepada responden yang memberikan kerjasama yang baik.

Di samping itu, kajian ini menghadapi cabaran dari segi kekangan masa dan kesabaran kerana perlu dijalankan dalam tempoh masa yang terhad. Maksudnya, ketidakupayaan dan kelemahan responden dari segi kognitif untuk mendengar, membaca lantas menjawab setiap soal selidik membuatkan pengkaji memerlukan semangat yang tinggi untuk melayan setiap responden. Pengkaji telah mengambil pendekatan dengan membacakan semua soalan daripada borang soal selidik bagi menangani cabaran tersebut. Antara faktor lain mengapa pengkaji membaca soalan-soalan tersebut adalah untuk memastikan data yang didapati adalah tepat, relevan dan konsisten.

Selain itu, kajian ini hanya menumpukan terhadap hubungan antara status kepadatan tulang warga tua yang tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras, dengan aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein yang diamalkan di pusat kebajikan tersebut. Kajian ini tidak mengkaji bagaimana aktiviti fizikal dan pengambilan kalori, kalsium serta protein responden pada masa dahulu yang mempengaruhi status kepadatan tulang responden pada masa kini. Ini kerana tahap kognitif warga tua yang lemah dibimbangi akan memberikan maklumat yang kurang tepat tentang aktiviti fizikal serta pengambilan kalori, kalsium dan protein mereka pada masa lalu.

1.8 Definisi Operasional

Berikut adalah beberapa terminologi penting dalam kajian;

1.8.1 Status Kepadatan Tulang

